

Siddiq Fadzil dan Wawasan Pendidikan Al-Hikmah dalam Mengangkat Martabat Keilmuan

¹Hasri Harun, ²Muhammad Nur Manutu, ³Mohd Nor Nawawi

¹ Pelajar Ijazah Kedoktoran
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial UNISEL
²Profesor Kehormat
Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial UNISEL
³Profesor Adjung
Universiti Selangor (UNISEL)

Abstract: Idea dan konsep pendidikan al-Hikmah telah menjadi tema penting dalam wacana pendidikan islam yang dibawa oleh Dr Siddiq Fadzil. Perjuangan mengangkat elemen pendidikan Islam berteraskan prinsip al-Hikmah adalah asas penting dalam membangunkan akhlak mulia (akhlaq al-karim) dengan mengangkat prinsip tazkiyyah dan tarbiyyah. Namun akibat daripada pengabaian membangun akhlak dalam pendidikan akan memberi kesan negatif kepada pendidikan Islam. Artikel ini bertujuan mengenengahkan beberapa tema-tema penting karya Dr Siddiq Fadhil tentang pendidikan al-Hikmah dalam bukunya Himpunan Pidato Kependidikan, dan menganalisa kekuatan pemikiran beliau dalam mengangkat martabat keilmuan. Artikel ini juga menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengenengahkan tema-tema penting pemikiran pendidikan Islam berdasarkan sumber utama al-Quran dan Sunnah. Artikel ini mendapati konsep Pendidikan al-Hikmah dan Misi Pencerahan ini sarat dengan elemen pengukuhan dan keprihatinan Dr Siddiq Fadzil atas cabaran dan masa depan pendidikan Islam dan mampu mengangkat nilai dan akhlak kemanusiaan untuk dihadam dan diangkat sebagai teras kekuatan para ilmuwan.

Kata Kunci : Pendidikan Al-Hikmah, Pidato Kependidikan, Siddiq Fadzil, Wawasan Pendidikan

1. Pengenalan

Buku Pendidikan al-Hikmah dan Misi Pencerahan yang merupakan koleksi tulisan dan karya Dr Siddiq Fadhil yang telah dibentangkan sebahagian besar dalam Konvokesyen Kolej Dar al-Hikmah (KDH) yang mana beliau merupakan Presiden Kolej tersebut. Sebagai peneraju kolej kerakyatan ini, beliau mempunyai satu hasrat yang cukup tinggi iaitu mengangkat nilai keintelektualan dan kesarjanaan yang tinggi yang seharusnya dibawa oleh institusi pendidikan. Disini jika dilihat dalam buku tersebut terhimpun keprihatinan Dr Siddiq Fadhil tentang isu-isu dan cabaran mengemudi pendidikan tinggi yang seharusnya dipasak dalam kata kunci al-hikmah. Gagasan ini terkait dengan ayat dalam surah luqman yang cukup inspiring yang sentiasa segar dalam pembentukan generasi berpendidikan dan bernilai. Menurut Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini (1992) bahawa pendidikan dan penerapan nilai tidak boleh dipisahkan dan mempunyai hubungan yang sangat akrab.

Pendidikan al-Hikmah adalah satu penjenamaan yang diilhamkan dari pesan-pesan bijaksana Luqman al-Hakim yang diungkap dalam ayat 12-19 surah luqman. Gagasan pendidikan al-Hikmah ini telah diperkenalkan sekitar tahun 2000 dimana ianya adalah satu gagasan pendidikan alternatif menekankan aspek pembentukan generasi muda berwatak, bercirikan sistem nilai dan berkeupayaan berfikir aras tinggi. Idea dan gagasan ini telah diterjemahkan dalam satu pembentangan kertas kerja yang bentangkan oleh Prof. Dr Siddiq Fadzil pada 11-12 Februari 2017 yang dibentangkan dalam Konvensyen Pendidikan al-Hikmah. Gagasan Idea ini adalah berpaksikan objektif Pendidikan al-Hikmah berorientasikan maqasidi dalam pengertian memenuhi ciri maqasid al-tarbawi (Siddiq Fadhil,2018). Artikel ini akan membicarakan antara gagasan pemikiran pendidikan al-Hikmah yang dibicara oleh Dr Siddiq Fadhil yang menjadi asas dan kekuatan memahami pendidikan berpaksikan kepada prinsip Islam. Sebagai pemikir Islam yang tersohor keberanian Dr Siddiq mengutarakan idea

dan gagasan ini hasil daripada usaha dan pemikiran dakwah beliau sepanjang terlibat dalam gerakan Islam sejak zaman beliau sehingga ke penghujung hayatnya.

2. Pendidikan dan Misi Profetik

Pendidikan yang selalu diungkap oleh Dr Siddiq Fadhil dalam pidatonya telah membentangkan nilai dan elemen kerasulan yang diungkap dalam Surah al-Baqarah ayat 129 dimana istilah *wa yua'limuhumul kitab*. Begitu juga dalam beberapa surah lain seperti al-Imran ayat 164 dan al-Jumuah ayat 2. Misi pendidikan dalam kerangka Islam memperlihatkan ketinggian dan pentingnya model pendidikan aras Quraniy ini menggagaskan kesedaran pendidikan ilmu berteraskan nilai murni yang tinggi. Selain elemen *ta'lim* (mengajar) sebagaimana diulas sebagai elemen mendidik terungkap juga istilah *ta'dib* dalam kata kunci membentuk atau dalam makna lain adalah disiplin diri sehingga dapat membentuk watak yang kuat jasmani dan ruhani. Disinilah bentuk penting pendidikan yang sering diwacanakan oleh beliau dalam mengungkap peri pentingnya pendidikan islam profetik kerana tanpa nilai ini bagaimana untuk membentuk jiwa bangsa yang merdeka.

Menurut Kuntowijoyo (1997) terdapat tiga rukun utama yang mendasari munculnya pendidikan misi profetik iaitu humanisasi, liberasi, dan transendensi. Tiga konsep tersebut, menjadi prasyarat bagi umat muslim untuk menjadi umat terbaik (the chosen people). Pendidikan bagi ilmuwan sepertimana pandangan kuntowijoyo harus mampu menjawab persoalan umat dengan berbagai pendekatan. Pendidikan tidak hanya sebatas pengetahuan normatif, melainkan usaha empirik untuk mewujudkan misi humanis. Misi inilah yang diangkat menepati peranan para rasul yang diungkap dalam al-Quran. Para Nabi Allah memiliki sifat pendidik; fathannah amanah (integriti), shidiq (jujur) dan tabligh (komunikatif). Dari sifat-sifat itulah terbangun kesadaran profetik, dalam al-Quran diistilahkan dengan uswah hasanah . Firman Allah dalam al-Quran:

Maksudnya : Sungguh, telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari Kiamat dan yang banyak mengingat Allah

(Al-Ahzab: 21).

3. Pendidikan dan Pembangunan bangsa

Dalam membicarakan soal pembangunan bangsa dan kepentinga pendidikan, Dr Siddiq Fadhil selalu mengupas isu pembangunan semula budaya kecendekiawanan bangsa yang sihat dan jujur. Pendidikan yang sihat adalah juga datangnya daripada intelektual yang sihat dan bukan daripada pengkhianatan intelektual yang merugikan. Intelektual yang sakit bagi Dr Siddiq Fadhil adalah mereka yang cair dengan candu kemewahan sehingga terjual nilai dan watak keilmuan yang dibangunkan semata-mata kerana wang dan pangkat. Disinilah gambaran yang selalu diungkap oleh beliau bahawa ilmuwan yang ada majikan tetapi tiada umat. Nama seperti Malek Ben Nabi selalu disebut oleh beliau dalam membicarakan tentang kemelut kecendekiawanan yang hilang terasnya atau dengan kata lain ketidakmampuan kaum intelektual dalam mempengaruhi masyarakat. Sungguh tidak upaya kaum ilmuwan dalam mempengaruhi minda dan pemikiran umat untuk menjadi generasi terbaik sebagaimana yang diungkap dalam al-Quran.

Pandangan Edward W.Said (1991) perlu direnung, khususnya dalam konteks zaman kemerosotan moral kaum intelektual yang sudah ramai merelakan diri menjadi hamba kekuasaan. Pentingnya pesan-pesan Edward W.Said disebut oleh Noam Chomsky dalam sambutannya terhadap buku tersebut, “*Edward Said helps us to understand who we are and what we must do if we aspire to be moral agents, not servants of power.*”

4. Pendidikan dan Trasformasi Keinsanan

Misi utama pendidikan dalam kontek kesarjanaan adalah untuk mengangkat nilai keinsanan. Yang hendak dibentuk itu adalah nilai insan bukan barangnya. Pendidikan keseluruhan potensi keinsanan adalah sangat penting diangkat kerana ianya akan memberi nilai tambah kepada keilmuan. Manusia yang dijadikan Allah ini dengan segala kekuatannya, kreativiti kesedarnya. Dunia pada hari ini jika diangkat nilai keinsanan ini akan memberi kekuatan idea-idea baru untuk melaksanakan pembangunan. Menurut Yassin (2014), pembangunan modal insan yang terancang akan melahirkan tenaga kerja berpengetahuan luas dan berkemahiran tinggi. Namun, holistik dalam konteks pembangunan modal insan tidak terbatas kepada disiplin ilmu dan pemantapan kemahiran sahaja. Tetapi ia merangkumi aspek pembangunan minda, rohani, sahsiah dan etika. Ini bermakna dalam proses membangunkan modal 3 insan, aspek keinsanan yang perlu dibina menerusi falsafah hidup, pegangan agama dan dukungan moral adalah menjadi kepentingan.

Pendidikan keinsanan juga menurut Dr Siddiq terbina atas dasar dimana pendidikan itu terpisah dari nilai keinsanan. Dunia pendidikan pada hari ini bagi bagi pandangan Dr Siddiq amat terkesan apabila hilang dimensi keinsana. Ilmu-ilmu tentang kehidupan duniawi yang dalam tradisi ilmu islam terpadu dengan aqidah, syariah dan akhlak , kini bukan hanya terlepas dari agama malah terpisah daripada kemanusiaan. Keprihatinan Ilmuwan tersohor seperti Syed Husein Nasr (2004) yang menyatakan dalam bukunya “ when economics become a science , almost independent of human being, dealing only with quantity without any regard for the quality aspect of life.

5. Pendidikan dan Pengajian tinggi

Tema pendidikan tinggi adalah juga suatu aspek penting dalam membincarkan konsep al-Hikmah menurut Dr Siddiq Fadhil. Bicara semasa berkaitan pendidikan tinggi tidak lari daripada persoalan apakah Pendidikan tinggi negara berada pada landasan sebenarnya. Persoalan sejauhmana keberkesanan pendidikan tinggi dalam melahirkan sarjana dan intelek yang tulen atau sebaliknya. Dr Siddiq Fadhil begitu teruja merujuk kepada tulisan yang tersebar luas oleh Harry R. Lewis dalam bukunya *Excellence without Soul*. Penulis yang begitu berani mengungkap akan wacana berkaitan bagaimana sebuah university tersohor seperti Harvard dinyatakan sebagai university telah kehilangan jatidiri (ruhnya).

Persoalan ini agak serius bagi dibicara oleh seorang bekas Dekan di Harvard tersebut. Buku tulisan ini telah membuka mata ramai para cendekiawan untuk melihat apakah sebenarnya yang dinyatakan oleh Prof Harry R. Lewis ini. Apa yang menjadi perhatian adalah bagaimana sebuah university yagn tersohor telah berada pada keadaan aimless, apa yang dianggap unibversiti kehilangan arah dan hala tuju. Benar bagi Dr Siddiq Fadhil sebuah universiit telah berjaya dari sudur mengurus perjalanan universiti secara material tetapi apakah tujuan asasi sebuah menara gading iaitu keupayaan membangun kemahiran, mengangkat nilai intelektual dan melahirkan intelektual yang punya jatidiri.

Pendidikan tinggi pada hari ini berhadapan dengan budaya dan trend komersil. Budaya komersil ini bagi Dr Siddiq telah menjadikan IPT semakin elitis dan tidak memberi manfaat kepada umat dan negara. Kerana itu dalam memastikan kedua-dua aspek ini tidak ketinggalan maka peranan dan fungsi pendidikan tinggi harus benar-benar jelas dalam memastikan visi dan matlamat tercapai. Menurut Dr Siddiq:

“Budaya komersial yang semakin dominan itu secara konsekuensial berhujung dengan melonjaknya kadar biaya pendidikan tinggi. Yuran pengajian yang terlalu

membebankan bererti penyempitan peluang untuk mendapatkan pendidikan tinggi.

Hanya sebilangan kecil anak-anak kelas menengah yang berpeluang menikmatinya, sedang majority besar rakyat bawahan akan ternafi haknya. Dengan demikian pendidikan tinggi akan lebih bersifat elitis dan jurang perbezaan sosial akan lebih meluas. Elitisme ini jelas bertentangan dengan aspirasi pendemokrasian Pendidikan

(Siddiq Fadhil , 2004)

6. KESIMPULAN

Dapat difahami bahawa pendidikan dalam kerangka Islam sebenarnya mempunyai suatu wajah yang cukup bernilai dan sarat dengan tafsiran dan makna tersendiri yang mana ianya tidak hanya menjadikan manusia itu pandai tetapi mempunyai jiwa yang terisi dengan ilmu dan kebijaksanaan. Apa yang menjadi keprihatinan Dr Siddiq Fadzil sepanjang keterlibatan beliau dalam dunia kependidikan adalah bagaimana generasi harus sedar akan kepentingan ilmu yang bukan sahaja dapat mencerdikan dan menjadikan mereka pandai namun akhirnya mereka tenggelam dengan dunia keilmuan tanpa memberi kesan langsung kepada pembangunan kemanusiaan. Ini tertumpah melalui tugas para nabi iaitu menguatkan akidah islam secara quraniy dalam masa yang sama mampu membangun jiwa manusia beradab dan mencerdaskan akal dan jiwa kepada penciptanya

7. RUJUKAN

Al-Quran

Kuntowijoyo (1997) *Menuju Ilmu Sosial Profetik* , (Bandung: Republika).

Lewis H.R (2006) *Excellence without Soul. How a great university forgotten education*. New York. Public Affairs

Nasr, Seyyed Hussein (1993) *A young Muslim Guide to the Modern World*. Kuala Lumpur. Islamic Book Trust.

Said. Edward W. (1994) *Representations of the Intellectual: The 1993 Reith Lectures*. London: Vintage.

Siddiq Fadzil (2014) *Pendidikan al-Hikmah dan Misi Pencerahah: Himpunan Pidato Kependidikan*. Akademi Kajian Ketamadunan (AKK) Sg Ramal Dalam

Siddiq Fadzil (2012) *Pembinaan bangsa dalam :Kepelbagaian Dalam bingkai kesatuan: Amanat Pimpinan. Wadah Pencerdasan Umat Malaysia/ Bangi* . Muktamar Nasional Wadah

Siddiq Fadzil (2016) *Pembinaan Bangsa: Kepelbagaian Dalam Bingkai Kesatuan*. Cetakan kedua. Selangor: IDE Research Centre Sdn. Bhd.

Siddiq Fadzil (2004) *Institusi Pengajaran Islam: Peluang dan Cabaran*, dlm. Jurnal Pendidikan Islam, Jilid 10 Bil. 4

Siddiq Fadhil (2017) *Kebebasan erti Kemerdekaan*. Selangor Kini. Dicapai pada 27 September 2021 dari <https://selangorkini.my/2017/08/kebebasan-erti-sebenar-kemerdekaan>

Siddiq Fadzil (2012). *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat*. Kajang, Selangor, Akademi Kajian Ketamadunan.

Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini (1992) *Pendidikan dn Wawasan 2020*. Kuala Lumpur. Arena Ilmu

Yassin, M. (2013). *Keseimbangan Modal Insan Perlu Relevan*. Utusan Online. Dicapai pada 12 Mei 2013 dari http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130402/dn_02/Keseimbangan-modalinsan-perlu-relevan#ixzz2h0wRHI6J